

## **PBAPP gesa tindakan segera untuk lindungi kawasan tadahan air Ulu Muda**



*Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Datuk Ir. Jaseni Maidinsa (Gambar fail)*

GEORGE TOWN, 25 April (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) meminta kerajaan Persekutuan dan kerajaan Kedah segera bertindak untuk menjamin keselamatan kawasan tadahan air Ulu Muda.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa berkata undang-undang yang sewajarnya, penguatkuasaan yang ketat dan pampasan yang adil kepada Kerajaan Kedah perlu untuk memastikan Ulu Muda selamat untuk selama-lamanya.

Beliau berkata undang-undang mesti diluluskan untuk melindungi Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air yang terbesar dan paling penting di Wilayah Utara.

"Undang-undang harus dikuatkuasakan oleh jabatan kerajaan yang diberi kuasa untuk melindungi Ulu Muda, tanpa takut atau memihak dan untuk perlindungan menjadi mampan, beberapa bentuk pampasan daripada kerajaan Persekutuan harus dibayar kepada kerajaan Kedah untuk memastikan Ulu Muda bebas dari pembalakan," kata beliau dalam kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan Jaseni adalah susulan laporan oleh sebuah harian berbahasa Inggeris baru-baru ini tentang aktiviti pembalakan berhampiran Empangan Ahning di Bukit Keramat, Kedah.

Beliau berkata PBAPP memandang berat pendedahan baru-baru ini mengenai aktiviti pembalakan di Bukit Keramat selepas kerajaan Kedah dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mengumumkan bahawa larangan aktiviti pembalakan di Ulu Muda tahun lepas tidak memberikan perlindungan sebenar ke tapak tersebut.

Jaseni juga menyeru kerajaan persekutuan dan kerajaan Kedah untuk menyiasat keluasan tanah rizab hutan, termasuk kawasan tadahna air, telah diluluskan untuk aktiviti pembalakan oleh kerajaan negeri terdahulu, jika kenyataan yang dilaporkan itu adalah benar mengenai aktiviti pembalakan di Bukit Keramat.

"Adakah kelulusan ini masih sah selepas pertukaran kerajaan negeri Adakah Jabatan Perhutanan Kedah mengeluarkan lebih banyak permit untuk pembalakan "secara bebas" "Katanya.

Beliau juga bertanya sama ada larangan bagi aktiviti pembalakan di Ulu Muda meliputi semua 163,103 hektar Kompleks Hutan Ulu Muda dan jabatan manakah yang menguatkuasakan larangan memandangkan pengumuman itu dibuat pada September lepas.

Beliau menjelaskan tentang pentingnya Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air dan jika hutan hujannya digondol, kerosakan akan dirasai melangkaui alam sekitar dengan lebih berjibu-ribu penduduk di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan menghadapi krisis air.

-- BERNAMA